

Tarikh Dibaca: 11 April 2025M | 12 Syawwal 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“ZIARAH: UKHUWWAH DIERAT,
MERAIH BERKAT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“ZIARAH: UKHUWWAH DIERAT, MERAIH BERKAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَدْخُلُوا بُيُوتًا غَيْرَ
بُيُوتِكُمْ حَتَّى تَسْتَأْذِنُوا وَتُسَلِّمُوا عَلَى أَهْلِهَا ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٧﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ Al-Nur: 27

² Ali-Imran: 102.

meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk ***“ZIARAH: UKHUWWAH DIERAT, MERAIH BERKAT”***.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Tidak dinafikan bahawa sambutan hari raya Eidulfitri yang disyariatkan hanyalah pada tanggal 1 Syawwal. Namun, ia tidak menghalang kebaikan untuk saling ziarah-menziarahi, menyambung silaturahim serta ukhuwwah sama ada pada bulan Syawwal mahupun pada bulan-bulan yang lain.

Dalam budaya masyarakat Islam di Malaysia, bulan Syawwal sering dijadikan sebagai waktu untuk saling berkunjung antara sanak saudara, kaum kerabat, jiran tetangga dan rakan taulan. Amalan ziarah-menziarahi ini bukan sahaja sebahagian daripada tradisi masyarakat kita, tetapi juga suatu amalan yang dianjurkan dalam Islam.

Hakikatnya, ia membuka ruang untuk mempererat silaturahim, memperkukuh ukhuwwah Islamiyyah serta saling bermaafan dan mendoakan antara satu sama lain. Selain itu, amalan ini turut membawa keberkatan, menghidupkan semangat persaudaraan dan mengukuhkan nilai kasih sayang dalam masyarakat.

Hadis yang diriwayatkan daripada Anas Bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ، وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ، فَلْيَصِلْ
رَحْمَهُ.

“Siapa yang suka untuk diluaskan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaklah dia menyambung silaturahmi”.

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Berdasarkan hadis ini, dapat kita fahami bahawa menjaga hubungan baik dengan keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan rakan taulan bukan sekadar nilai sosial, tetapi juga mendatangkan keberkatan dalam rezeki dan umur seseorang.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Dalam kegembiraan kita berziarah, semestinya kita dituntut untuk memelihara adab-adab yang dianjurkan sesuai dengan sunnah Rasulullah SAW agar kunjungan kita tidak menjadi beban atau mengundang rasa kurang senang kepada pihak tuan rumah.

Malangnya, masih terdapat sebahagian dalam kalangan masyarakat kita yang kurang mengambil peduli soal ini. Bukan setakat ketika hari raya, bahkan ketika hari-hari biasa juga, ada yang datang tanpa memberi tahu, ada yang datang pada waktu yang kurang sesuai dan yang paling menyedihkan adalah, apabila dia sendiri tidak menjaga tingkah lakunya dan orang-orang yang dibawanya bersama. Jadi, sebelum kita bertamu, eloklah kita renungkan beberapa adab yang dianjurkan dalam Islam, agar setiap ziarah yang kita lakukan benar-benar membawa kebaikan serta menjadi

wasilah dalam mengeratkan silaturahmi dan memperkukuh ukhuwwah Islamiyyah.

Antara adab penting yang perlu diberikan perhatian ketika mana kita berziarah adalah memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat. Kita semua sedar bahawa berpakaian mengikut tuntutan syarak bukan sekadar satu kewajipan, tetapi juga mencerminkan jati diri seorang muslim yang beradab. Janganlah kita terikut-ikut dengan gaya berpakaian yang melampaui batas sehingga mengundang fitnah.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Ada dua golongan dari penghuni neraka yang belum aku lihat (pada zamanku ini). Kaum yang membawa cemeti seperti ekor lembu, yang dengannya mereka memukul manusia. Wanita-wanita yang berpakaian tetapi (sebenarnya) telanjang, yang cenderung (kepada maksiat) dan mencenderungkan orang lain (kepada maksiat). Kepala mereka seperti bonggol unta yang condong (untuk diperlihat aurat mereka oleh orang lain). Mereka tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium baunya, padahal bau syurga itu dapat tercium dari jarak sekian dan sekian."

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Islam juga mengajar kita untuk menjaga adab dan menghormati ruang peribadi seseorang dengan meminta izin dan memberi salam sebelum masuk ke rumahnya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 27 sebagaimana yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu memasuki rumah yang bukan rumahmu sebelum meminta izin dan memberi salam kepada penghuninya!; yang demikian adalah lebih baik bagimu, agar kamu selalu ingat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu).”

Dalam ayat ini, Allah SWT menggunakan kalimah **إِسْتِئْذَنَ** yang memberikan maksud meminta izin. Oleh itu kita dituntut untuk meminta izin serta memberi salam sebelum memasuki rumah seseorang.

Daripada ayat ini juga dapat difahami bahawa kunjungan yang dilakukan tanpa izin pihak tuan rumah bukan sahaja dianggap menceroboh ruang peribadinya, tetapi juga boleh menimbulkan ketidakselesaan dan gangguan yang tidak sepatutnya. Rasulullah SAW mengingatkan bahawa jika seseorang telah meminta izin sebanyak tiga kali, namun tidak mendapat sebarang keizinan, maka hendaklah dia beransur dan pulang.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Musa al-Asy'ari dan Abu Sa'id al-Khudri Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا اسْتَأْذَنَ أَحَدُكُمْ ثَلَاثًا فَلَمْ يُؤْذَنْ لَهُ فَلْيَرْجِعْ

“Apabila seseorang di antara kamu meminta izin sebanyak tiga kali, tetapi tidak mendapat keizinan, maka hendaklah dia pulang.”

(Riwayat al-Bukhari).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Sebelum kita bertandang ke rumah seseorang, sewajarnya kita memilih waktu yang sesuai agar tidak menyusahkan atau membebankan pihak tuan rumah. Sebaiknya, maklumkan terlebih dahulu dan dapatkan keizinan bagi memastikan kunjungan itu diterima dengan baik. Janganlah kita hadir pada waktu yang terlalu awal atau ketika waktu solat atau di saat mereka mungkin sedang berehat.

Kata al-Imam al-Nawawi dalam kitabnya al-Azkar:

"Sangat dianjurkan untuk menziarahi orang-orang soleh, saudara mara, jiran, sahabat, dan kaum kerabat, serta menghormati, berbuat baik, dan menjaga hubungan dengan mereka. Namun, kesesuaian dan kekerapan ziarah ini bergantung pada keadaan, kedudukan, dan kelapangan mereka. Seharusnya juga ziarah dilakukan dengan cara yang tidak mengganggu dan pada waktu yang disenangi oleh mereka."

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Kita juga dituntut untuk menjaga pandangan dan tidak mengintai ke dalam rumah yang dikunjungi. Perkara ini mungkin kelihatan remeh tetapi Rasulullah SAW sendiri telah menunjukkan contoh kepada kita, dengan tidak berdiri secara terus menghadap ke pintu rumah. Sebaliknya, Baginda SAW berdiri di sudut kanan atau kiri pintu supaya privasi dan keselesaan tuan rumah terjaga. Begitulah halusnyalah akhlak Baginda SAW dalam menjaga kehormatan dan keselesaan tuan rumah.

Dalam sebuah hadis, Saidina Abdullah bin Busr Radiallahuanhu meriwayatkan:

“Apabila Rasulullah SAW datang ke pintu rumah suatu kaum, Baginda tidak berdiri menghadap pintu secara langsung, tetapi berdiri di sudut kanan atau kirinya, lalu mengucapkan: Assalamualaikum, Assalamualaikum.”

(Riwayat Abu Daud).

Selain itu, kita juga tidak digalakkan untuk berada terlalu lama di rumah yang dikunjungi. Sebagai tetamu, seharusnya kita peka dengan keadaan tuan rumah, lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai urusan lain yang mendatang atau perlukan sedikit rehat. Cukuplah kita sekadar bertemu, berbual dan bertanya khabar tanpa mengambil masa yang terlalu lama.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Di samping menjaga batas waktu ketika berziarah, pastikan kunjungan kita tidak menyebabkan sebarang kerosakan terhadap rumah atau barang yang ada pada rumah tersebut. Ibu bapa juga harus bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan anak-anak mereka tidak merosakkan atau mengganggu persekitaran rumah yang dikunjungi kerana ini boleh mencemarkan tujuan ziarah.

Oleh itu, marilah sama-sama kita hayati matlamat utama ziarah iaitu menyuburkan kasih sayang dan memperkukuh silaturahim serta ukhuwwah Islamiyyah antara satu sama lain. Jangan biarkan kunjungan kita menjadi sekadar adat kebiasaan, tetapi jadikanlah ia sebagai jalan meraih keberkatan dan redha Allah SWT.

Sebagai tetamu yang beradab, jangan kita lupa untuk mendoakan kesejahteraan tuan rumah dan keluarganya agar mereka sentiasa dikurniakan rezeki yang melimpah serta kehidupan yang barakah.

Antara doa yang boleh kita bacakan adalah seperti doanya Baginda SAW sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada al-Miqdad bin Amr Radiallahuanhu, bahawa Rasulullah SAW pernah berdoa:

اللَّهُمَّ أَطْعِمْ مَنْ أَطْعَمَنِي، وَأَسْقِ مَنْ أَسْقَانِي

"Ya Allah, berilah makan kepada orang yang telah memberi aku makan, dan berilah minum kepada orang yang telah memberi aku minum".

(Riwayat Muslim).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian,terutamanya pada musim perayaan ini:

1. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa amalan ziarah-menziarahi bukan sekadar adat, tetapi ia merupakan amalan yang mengerat ukhuwwah dan membawa keberkatan.
2. Umat Islam hendaklah mencontohi akhlak dan adab Baginda SAW dalam berziarah serta mendoakan kesejahteraan buat pihak yang dikunjungi.
3. Umat Islam hendaklah berziarah dengan hati yang ikhlas kerana Allah SWT, semata-mata untuk menyuburkan ukhuwwah dan meraih keberkatan, bukan atas kepentingan peribadi atau tujuan duniawi.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا ﴿٨٦﴾

"Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik, atau balaslah dia (penghormatan itu yang sepadan). Sesungguhnya Allah menghitung segala sesuatu."

(Surah An-Nisa': 86)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah Tuhan Yang Maha Pengasih, kami mohon kehadiranMu ya Allah, agar dikurniakan kesabaran dan ketabahan, kepada saudara-saudara kami yang terlibat dalam insiden letupan saluran paip gas yang berlaku di Putra Heights pada minggu lepas. Kurniakanlah kesembuhan bagi mangsa yang tercedera, gantikanlah kerosakan dan kemusnahan harta-benda mereka dengan yang lebih baik, lapangkanlah hati mereka dalam menerima ujianMu dengan penuh sabar dan redha, serta jadikanlah musibah yang

menimpa ini, sebagai peringatan dan panduan buat kami semua, untuk sentiasa mengurus kehidupan berpandukan acuan dan panduan SyariatMu. Ya Allah, demikian jua kami mohon keselamatan dan kesejahteraan kepada para petugas barisan hadapan, yang bertungkus lumus berkorban masa dan tenaga, meninggalkan urusan peribadi dan keluarga, demi menggalas tanggungjawab yang diamanahkan, dalam menyantuni dan membantu mangsa yang terlibat. Kurniakanlah ganjaran yang berlipat ganda, atas setiap pengorbanan yang mereka lakukan, serta permudahkanlah urusan mereka di dunia dan di akhirat.

اللَّهُمَّ اشْفِ الْمُصَابِينَ، وَارْفَعْ عَنْهُمْ الْبَأْسَ وَالضَّرَّ، وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ.

اللَّهُمَّ أَجِرْهُمْ فِي مُصِيبَتِهِمْ، وَأَخْلِفْ لَهُمْ خَيْرًا مِنْهَا.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah kukuhkanlah pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.